

03/08/1999

Perdana Menteri minta Pas hentikan amalan `politik benci`

IPOH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru ahli Pas menghentikan `politik benci`, termasuk amalan mencarut yang menjadi asas perjuangan parti itu bagi meraih sokongan kerana ia bertentangan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata tindakan Pas itu tidak memanfaatkan rakyat, selain parti itu tidak boleh memberi sebarang sumbangan kepada mereka.

Sebaliknya, menurut Dr Mahathir, pemimpin Pas hanya mengharapkan rakyat membenci beliau dan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan memilih parti mereka dalam pilihan raya umum.

Selain itu, katanya, Pas juga bukan memperjuangkan Islam, sebaliknya menjadikan agama dan ayat al-Quran sebagai alat untuk memancing undi serta tidak pernah tetap dengan pendirian melalui pelbagai janji kosong.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu ahli Pas membuka minda mereka dengan menerima penjelasan Umno dan ulama dalam parti berkenaan mengenai dolak-dalik parti pembangkang itu berhubung Islam.

"Saya menyeru kepada orang Pas, jangan tutup hati kamu kepada penjelasan dan penerangan yang dibuat oleh Umno, pemimpin Umno dan ulama Umno, dengar ... dengar ... dengar ... kerana pemimpin Umno menyatakan sesuatu yang benar.

"Dan kamu jangan tutup hati, tutup mata dan tutup telinga kerana ini merosakkan diri kamu, wahai orang Pas.

"Tinggallah Pas, tolak Pas," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 50,000 rakyat pelbagai kaum di majlis Perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perak, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib serta pemimpin komponen BN Perak.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN menyeru cerdik pandai Melayu yang menyertai Pas meninggalkan parti itu kerana tiada guna menyokong Pas yang hanya merosakkan negara, agama dan orang Melayu sendiri.

Pemimpin Pas, termasuk Presidennya, Datuk Fadzil Noor cuba mengelirukan rakyat agar mengikut telunjuk asing dalam memilih kerajaan, termasuk menerima bantuan IMF kononnya dapat memulihkan ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata saranan PAS supaya kerajaan meminta pertolongan IMF bagi memulihkan ekonomi negara menunjukkan parti itu tidak tahu mentadbir negara ini dari segi ekonomi dan kewangan.

"Mereka tidak tahu bantuan (IMF) itu, bantuan bersyarat yang mahukan kita menyerahkan semua pentadbiran kewangan dan ekonomi negara kepada IMF, dan apabila kita serahkan ekonomi, kita tidak merdeka lagi dan dijajah, manakala segala dasar negara akan ditentukan oleh orang asing," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada kenyataan Fadzil baru-baru ini yang menyarankan supaya kerajaan Barisan Nasional (BN) meminta pertolongan IMF untuk memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata kerjasama Pas dengan pembangkang lain, terutama DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) jelas menunjukkan belangnya yang sanggup berkongsi kuasa serta menukar taktik menjelang pilihan raya umum semata-mata mencapai matlamat politiknya.

(END)